

di antara lain, dalam bidang pertahanan, hal ehwal keselamatan, hal-ehwal luar negeri, pelaiaran, kesihatan, pembangunan dan kewangan. Keraiaan-Kerajaan Negeri setiap masa, hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam peranannya menunaikan tugas dan tanggungjawab ini. Dalam bidang pelajaran dan kesihatan misalnya, Kerajaan Persekutuan, barazam memastikan supaya tiap-tiap kanak-kanak dan rakyat menikmati kemudahan dan layanan yang saksama. Dalam melaksanakan projek dibidang ini, Kerajaan-Kerajaan Negeri patutlah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menyediakan tanah dan tapak-tapak untuk proiek2, dan janganlah menimbulkan masalah atau persoalan, yang boleh menghalang pelaksanaan projek-projek ini.